

GAMBAR YANG MENJADI KONTROVERSI

Oleh: PEMERHATI POLITIK

Era Batu - 18/8/2006

Dr. Mahathir sedang >
menerangkan sesuatu kepada
tiga ahli PAS dari kiri Mafuz
Omar, Dato' Husam Musa dan
Nasaruddin Mat Isa.

Sesiapa sahaja yang melihat kepada gambar ini sudah tentu akan memberi interpretasi yang berbeza apatah lagi ketika mendapati bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, duduk bersama dan berbincang dengan tiga tokoh pembangkang yang tidak asing lagi dari parti PAS iaitu Mafuz Omar, Dato' Husam Musa dan Nasaruddin Mat Isa.

Ramai yang menganggap bahawa bekas Presiden UMNO itu telah menyertai parti pembangkang kerana beliau seolah-olah tidak lagi sebulu dengan UMNO terutamanya sekali disebabkan sering mengkritik pemimpin-pemimpin UMNO.

Ada pihak-pihak yang mendakwa bahawa semua ini dirancang? Sebenarnya tidak begitu. Apa yang berlaku ialah apabila diadakan satu forum yang dianjurkan oleh beberapa badan NGO di Kelab Century Paradise, Taman Melawati pada 24 Jun 06, ia juga dihadiri oleh orang-orang UMNO, Keadilan, DAP dan PAS sendiri.

Yang menarik ialah apabila dua dari tokoh tertinggi PAS ini yang pada suatu ketika dulu menjadi Wakil Rakyat, mereka begitu lantang mengkritik dasar-dasar yang dibawa oleh Kerajaan Dr. Mahathir yang menjadi Perdana Menteri di masa itu.

Mereka ini menjerit-jerit di Dewan Rakyat sambil menuding tangan kepada Dr. Mahathir apabila menekan kan hujah-hujah mereka, tetapi kini mereka sanggup merendahkan diri untuk bersalaman, duduk dan berbincang dengan tertib dan penuh hormat dengan Dr. Mahathir seperti yang disaksikan dalam gambar.

Adakah dengan keadaan sebegini, maka Dr. Mahathir akan meninggalkan UMNO yang di pimpinnya berpuluh-puluh tahun lamanya itu?

KESILAPAN

Sebenarnya, Dr. Mahathir tidak tahu menahu atau bertanggungjawab mengundang ahli-ahli politik dari parti-parti pembangkang ke forum tersebut.

Sesungguhnya, Dr. Mahathir terperanjat apabila mendapati ramai bekas musuh-musuhnya hadir sama. Menurut Dr. Mahathir, mereka ini menghulurkan tangan untuk bersalaman dan bertanyakan sesuatu termasuk orang-orang UMNO sendiri.

Apabila selesai forum tersebut, ahli-ahli PAS inilah yang pertama sekali berebut-rebut masuk ke bilik tetamu untuk bertemu dan duduk bersama Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir disoal samada beliau akan meninggalkan UMNO dan masuk parti pembangkang, Dr. Mahathir dengan jelas menyatakan bahawa tidak terlantas lang

sung difikirannya untuk berpisah dengan UMNO dan menjadi seorang pembangkang.

Apa jadi pun katanya, beliau tetap bersama UMNO dan biarpun beliau mungkin dipecat dari parti, beliau tetap taat kepada UMNO kerana UMNO sahaja yang mampu memperjuangkan hak-hak dan kedudukan orang-orang Melayu semenjak merdeka lagi.

Menurut beliau lagi, beliau hanya menegur para pemimpin UMNO bukan bermaksud memecah belahkan perpaduan atau tidak suka kepada Pak Lah, kepada siapa beliau telah serahkan bulat-bulat kepemimpinan parti dan kerajaan tetapi hanya sekadar menegur untuk kebaikan parti itu sendiri dan cuba membetulkan kesilapan yang dilihat merugikan bangsa dan negara.

Tetapi malangnya, beliau mendakwa tidak dibenarkan bercakap kepada ahli-ahli UMNO dan beberapa jempuannya dari bahagian-bahagian UMNO telah dibatalkan kononnya di atas arahan parti pusat.

Tetapi ramai ahli-ahli yang mempersoalkan pula mengapa beberapa pemimpin bukan Melayu / Islam pernah dibenarkan merasmikan mesyuarat-mesyuarat bahagian UMNO seperti Presiden Parti PPP, Kaveas dan Chan Kon Choi dari MCA?

Ramai ahli-ahli dari seluruh negara yang kecewa kerana tidak memberi peluang kepada bekas Perdana Menteri dan Presiden UMNO selama 22 tahun dan telah diiktiraf oleh dunia ke tiga sebagai seorang pemimpin yang dihormati dan berani, tidak diberi penghormatan untuk bercakap dan memberi nasihat yang berguna kepada pemimpin-pemimpin muda tentang pengalaman beliau untuk menjadi pemimpin negara yang penuh dengan cabaran ini?

Justeru, mereka merayu kepada pucuk pimpinan parti supaya tidak menyekat bekas Presiden UMNO itu bersua dan bercakap dengan ahli-ahli UMNO untuk mengelakkan keadaan menjadi semakin keruh.

